

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1990/91

Oktober/November 1990

SKP 101 Masyarakat Malaysia

Masa : [2 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA PULUH TUJUH muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab SEMUA soalan dengan memilih satu jawapan yang paling tepat. Isikan jawapan-jawapan dalam BORANG KOMPUTER. Anda TIDAK dibenarkan mengambil kertas soalan keluar dari Dewan/Bilik Peperiksaan. Markah penuh 100 markah. Satu (1) markah bagi satu soalan.

1. Menurut Profesor Ismail Hussein (dalam karyanya, Antara Dunia Melayu dengan Dunia Kebangsaan, 1990), kesedaran orang Melayu sebagai suatu bangsa yang meliputi gugusan Kepulauan Melayu bermula sejak

- [A] zaman Srivijaya lagi
- [B] zaman kegemilangan kesultanan Melaka
- [C] abad ketujuhbelas
- [D] abad kesembilanbelas.

...2/-

2. Bangsa Melayu dianggap oleh Profesor Ismail Hussein sebagai suatu rumpun

- [A] keturunan etnik
- [B] budaya
- [C] politik
- [D] semua di atas.

3. Menurut Denys Lombard, perkembangan pesat bahasa Melayu sebagai bahasa lingua franca di gugusan Kepulauan Melayu telah dipengaruhi oleh dua gelombang besar. Dua gelombang besar yang dimaksudkan ini ialah

- [A] penyebaran Islam dan kebudayaan Barat
- [B] perdagangan India dan perdagangan Cina
- [C] kejatuhan dunia Jawa dan dunia Cam
- [D] pembaharuan teknologi cetak dan pembinaan perpustakaan.

4. Kesedaran politik Melayu yang cuba melintasi sempadan-sempadan pemerintahan penjajah di Kepulauan Melayu telah gagal. Ini kerana kesedaran tersebut terhad kepada golongan elit kecil. Pergerakan politik di negeri manakah yang jauh lebih tegas memperjuangkan gagasan politik itu?

- [A] Filipina
- [B] Indonesia
- [C] Semenanjung Melayu
- [D] Campa.

...3/-

5. Dunia alam Melayu awal meliputi tamadun
- [i] Srivijaya
 - [ii] Funan
 - [iii] Langkasuka
 - [iv] Majapahit
- [A] i, ii, iii dan iv
[B] i, iii dan iv
[C] i dan ii
[D] iii dan iv
6. Yang manakah diantara di bawah merupakan usaha untuk menggabungkan gugusan Kepulauan Melayu dalam satu perseikatan politik
- [i] Melayu Raya
 - [ii] Maphilindo
 - [iii] Asean
 - [iv] Malaysia
- [A] i, ii, iii dan iv
[B] i dan ii
[C] i, ii dan iii
[D] i, ii dan iv
7. "Dunia Berbahasa Melayu" seperti yang diungkapkan oleh Profesor Ismail Hussein melambangkan:
- [A] penjelmaan konkrit impian Dunia Melayu-Polinesia
 - [B] penyatuan semula dunia alam Melayu dalam bentuk asalnya
 - [C] penyatuan semula Maphilindo
 - [D] ketegasan orang Melayu Semenanjung membangunkan bahasanya sebagai bahasa dunia.

8. Antara Dunia Melayu dengan Dunia Kebangsaan karangan Profesor Ismail Hussein cuba mengutarakan.

- [A] kemunculan Dunia Melayu hasil pembentukan negara-negara di gugusan Kepulauan Melayu
- [B] percanggahan di antara Dunia Melayu dengan Dunia Kebangsaan
- [C] kesinambungan sejarah dan budaya Dunia Melayu meskipun terbahagi kepada negara-negara yang berlainan
- [D] proses pembangunan negara di Dunia Melayu.

9. Kebangkitan Islam semasa di Malaysia dianggap oleh sarjana seperti S. Ackerman dan R.L.M. Lee, Nagata dan Chandra Musaffar sebagai

- [A] manifestasi perubahan hubungan etnik di antara orang Melayu dan bukan-Melayu
- [B] manifestasi peningkatan kawalan negara terhadap agama lain
- [C] kebangkitan-semula orang Melayu untuk menubuhkan negara Islam
- [D] kemunculan Islam membersihkan pengajarannya dari pengaruh Barat.

10. Proses kebangkitan Islam di Malaysia melibatkan peningkatan kawalan negara ke atas

- [A] pengembangan agama lain
- [B] pengembangan Islam
- [C] pengembangan Islam dan agama lain
- [D] pentadbiran organisasi agama lain.

...5/-

11. Menurut Chandra Muzaffar (dalam bukunya, Islamic Resurgence in Malaysia), faktor-faktor utama yang mengakibatkan kebangkitan Islam ialah
- [A] proses perindustrian dan urbanisasi
 - [B] ketidaksamaan pembangunan dalam sistem kapitalisme
 - [C] kemerosotan simbol-simbol identiti Melayu
 - [D] semua di atas.
12. Apakah di antara reaksi penting terhadap kebangkitan Islam di Malaysia
- [i] peningkatan kawalan negara ke atas pengembangan Islam
 - [ii] penyerapan unsur-unsur Islam dalam pentadbiran negara
 - [iii] peningkatan kawalan negara ke atas pengembangan agama lain
 - [iv] kesangsian orang bukan-Islam terhadap hak dan peranannya dalam politik dan pentadbiran negara
- [A] i dan ii
 - [B] i, ii dan iii
 - [C] i, ii, iii dan iv
 - [D] ii, iii dan iv
13. Artikel 11 perkembangan Persekutuan
- [A] memberi kebebasan agama
 - [B] memberi kebebasan agama dengan peruntukan bahawa pihak berkuasa negeri boleh melarang agama lain mengembang pengaruhnya terhadap orang Islam
 - [C] memberi kebebasan agama dengan peruntukan tertentu bagi kerajaan Persekutuan menentukan Majlis-Majlis Agama Negeri
 - [D] memberi kebebasan agama dengan peruntukan tertentu bagi kerajaan negeri menghadkan pengembangan agama lain terhadap penganut-penganutnya.

...6/-

14. Kebangkitan Islam semasa di Malaysia boleh dikatakan bermula pada
- [A] tahun 1950an
 - [B] tahun 1960an
 - [C] tahun 1970an
 - [D] tahun 1980an.
15. Satu perkara penting yang dilakukan oleh negara untuk mengawal kebangkitan Islam ialah
- [A] menggalakkan tafsiran-tafsiran alternatif dalam Islam
 - [B] menggalakkan bantahan dari pihak bukan-Islam terhadap proses penerapan Islam dalam pentadbiran negara
 - [C] menggalakkan penggubalan undang-undang Islam melalui Parlimen
 - [D] memusatkan kuasa pentadbiran Islam kepada pihak eksekutif.
16. Yang manakah di antara di bawah yang telah menimbulkan keresahan di kalangan penduduk bukan-Islam Malaysia
- [i] usaha PAS membentuk negara Islam
 - [ii] pindaan Artikel 121 Perlembagaan Persekutuan yang menentukan bahawa keputusan Mahkamah Syariah tidak boleh dirayu di Mahkamah Sivil
 - [iii] Enakmen Bil Pentadbiran Undang-Undang Selangor 1989
 - [iv] Artikel 11 Perlembagaan Persekutuan tentang kebebasan ugama
- [A] i, ii, iii dan iv
 - [B] i, ii dan iii
 - [C] i, ii dan iv
 - [D] ii, iii dan iv

...7/-

17. Satu dari perubahan penting dalam perhubungan eksekutif dan kehakiman ialah peningkatan kuasa pihak eksekutif ke atas kehakiman. Ini telah ditentukan dengan pindaan Artikel 121 Perlembagaan Persekutuan yang
- [A] menghadkan kuasa kehakiman ke atas isu-isu yang tidak sensitif
 - [B] menghadkan kuasa kehakiman seperti yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Persekutuan
 - [C] memberi kuasa pihak eksekutif membicara kes-kes rayuan
 - [D] menghadkan kuasa kehakiman kepada peruntukan yang dibenarkan di bawah Undang-Undang Persekutuan.
18. Peningkatan kawalan kuasa eksekutif ke atas kehakiman telah digerakkan oleh kesangsian pihak eksekutif terhadap peranan mahkamah mengadili kesahan keputusan eksekutif mengikut tafsirannya tentang undang-undang tertentu. Kes-kes yang manakah yang telah mencetuskan peningkatan kawalan kehakiman?
- [i] rayuan Aliran memohon Mahkamah Tinggi mengkaji kesahan keputusan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri terhadap permohonannya menerbit satu majalah Bahasa Malaysia pada 1987
 - [ii] rayuan Abdul Razak Ahmad memohon Mahkamah Tinggi mengkaji kesahan keputusan pilihanraya 1986 bagi kawasan Dewan Undangan Negeri Tanjung Puteri pada 1988
 - [iii] kes permohonan UMNO 11 mengkaji kesahan keputusan pilihanraya UMNO pada April 1987 serta kesahan pendaftaran UMNO (Baru) pada 1989
 - [iv] permohonan Karpal Singh di Mahkamah Tinggi mengkaji kesahan tahanan beliau di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri pada 1988
- [A] i, ii, iii dan iv
 - [B] i, ii dan iii
 - [C] i, iii dan iv
 - [D] i, ii dan iv

...8/-

19. Hak asasi individu diperuntukkan di dalam Perlembagaan Persekutuan. Walau bagaimanapun hak-hak tersebut boleh dikawal oleh

- [ii] peruntukan undang-undang yang digubal oleh Parlimen
- [iii] pengecualian yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan
- [iiii] keputusan eksekutif
- [iv] keputusan mahkamah

- [A] i, ii, iii dan iv
- [B] i dan ii
- [C] iii dan iv
- [D] i dan iii

20. Kedaulatan undang-undang ("rule of law") membawa maksud

- [A] pemerintahan menurut tafsiran undang-undang oleh eksekutif
- [B] pemerintahan menurut perlembagaan yang menghormati kebebasan kehakiman, pemisahan kuasa dan hak asasi
- [C] pemerintahan menurut tafsiran undang-undang oleh mahkamah
- [D] pemerintahan menurut undang-undang seperti yang digubal oleh Parlimen.

21. Pemerintahan menurut undang-undang ("rule by law") membawa maksud:

- [A] pemerintahan menurut tafsiran undang-undang oleh eksekutif
- [B] pemerintahan menurut perlembagaan yang menghormati kebebasan kehakiman, pemisahan kuasa dan hak asasi
- [C] pemerintahan menurut tafsiran undang-undang oleh mahkamah
- [D] pemerintahan menurut undang-undang seperti yang digubal oleh Parlimen.

...9/-

22. Peranan kehakiman ialah

- [A] mengadili keputusan eksekutif
- [B] mengkaji-semula kesahan undang-undang yang digubal oleh Parlimen
- [C] mengawal pengaruh eksekutif ke atas parlimen
- [D] menyelesaikan pertikaian di antara individu dengan kerajaan atau institusi-institusinya dan di antara individu dengan individu-individu lain.

23. Apakah unsur-unsur utama dalam perhubungan pemerintahan demokrasi dengan prinsip kehakiman yang bebas

- [i] pemerintah tidak seharusnya diberi kuasa yang tidak terhad
 - [ii] pemisahan kuasa institusi-institusi negara (eksekutif, Parlimen dan kehakiman) adalah penting untuk menentukan pengawalan dan pengimbangan kuasa institusi-institusi tersebut.
 - [iii] hak asasi individu cuma dapat dikekalkan sekiranya kehakiman bebas dari tekanan eksekutif
 - [iv] kehakiman perlu tunduk kepada kuasa parlimen
- [A] i, ii, iii dan iv
 - [B] i, ii dan iii
 - [C] i, ii dan iv
 - [D] i, iii dan iv

24. Apakah peristiwa-peristiwa penting yang menandakan kemerosotan kebebasan kehakiman Malaysia?

- [i] pemecatan Tun Salleh Abas sebagai Hakim Negara dan penggantungan perkhidmatan lima hakim Mahkamah Agung
- [ii] larangan Y.B. Lim Kit Siang dan Y.B. Karpal Singh menyertai Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang
- [iii] tunjuk perasaan Pemuda UMNO (Baru) terhadap Majlis Peguam di Kuala Lumpur
- [iv] undi tidak percaya oleh Majlis Peguam terhadap Pemangku Hakim Negara, Tan Sri Hamid Omar, Pemangku Hakim Negara, pada 1988

...10/-

- [A] i dan ii
- [B] ii dan iii
- [C] i dan iii
- [D] i dan iv

25. Apakah antara isu penting yang menggerakkan usaha untuk meminda Akta Pendidikan yang sedia ada pada tahun 1990

- [A] masalah bahasa pengantar
- [B] kenaikan pangkat guru-guru yang tidak terlatih dalam Bahasa Mandarin menjawat jawatan Guru Besar di sekolah Cina
- [C] perlaksanaan Bahasa Ibunda murid-murid ("Pupils' Own Language")
- [D] kuasa Menteri Pelajaran menukar taraf sekolah Cina menjadi sekolah kebangsaan.

26. Apakah di antara kesan penting pelaksanaan dasar Bahasa Malaysia

- [i] kenaikan pendaftaran murid Cina di sekolah-sekolah Cina
- [ii] kemerosotan kefasihan dalam Bahasa Inggeris
- [iii] penambahan penerbitan dalam Bahasa Malaysia
- [iv] ketegangan kaum semakin kurang
- [v] refomasi pendidikan yang bertujuan memupuk Bangsa Malaysia telah dilaksanakan

- [A] i, ii, iii dan iv
- [B] i, ii, iii dan v
- [C] i, ii dan iii
- [D] i, ii dan v

...11/-

27. Apakah dua perkara utama yang telah membentuk sistem pendidikan sebelum Perang Dunia Kedua.

[i] dasar pecah dan perintah

[ii] masyarakat berbilang etnik

[iii] pemusatan pentadbiran sekolah di Kuala Lumpur

[iv] bahasa Melayu bahasa umum di gugusan Kepulauan Melayu

[A] i, ii, iii dan iv

[B] i, ii dan iii

[C] i dan ii

[D] iii dan iv

28. Dasar pendidikan pihak penjajah

[i] mengasingkan kelas

[ii] mengasingkan kaum

[iii] mengutamakan persekolahan di bandar

[iv] menggalakkan pengajian tinggi di kalangan elit

[A] i, ii, iii dan iv

[B] i, ii dan iii

[C] ii, iii dan iv

[D] ii dan iii

29. Satu penemuan penting tentang perhubungan di antara persekolahan dan mobiliti yang dibincangkan oleh Chai Hon Chan (dalam Education and Nation-Building in Plural Societies: The West Malaysian Experience, 1977) ialah bahawa Kadar mobiliti kerjaya dari jenis pekerjaan ibu-bapa ke jenis pekerjaan pertama yang dijawat adalah paling tinggi bagi
- [A] Melayu
 - [B] Cina
 - [C] India
 - [D] Lain-lain.
30. Perbincangan Chai Hon Chan (ibid) juga menunjukkan bahawa mobiliti dari pekerjaan pertama ke pekerjaan akhir adalah paling rendah bagi
- [A] Melayu
 - [B] Cina
 - [C] India
 - [D] Lain-lain.
31. Apakah antara isu etnik yang berkait rapat dengan sistem pendidikan
- [i] masalah bahasa kebangsaan dan hak mempelajari bahasa ibunda masing-masing
 - [ii] peluang pekerjaan dan mobiliti
 - [iii] pembangunan budaya setiap kelompok etnik
 - [iv] pengaruh politik
- [A] i, ii, iii dan iv
 - [B] i, ii dan iii
 - [C] i, ii dan iv
 - [D] i, iii dan iv

32. Bentuk rancangan pembangunan pertanian Malaysia dianggap sebagai teknokratik. Ini membawa maksud ia
- [A] memberi tekanan kepada peningkatan hasil tanpa merombak struktur pemilikan tanah yang sedia ada.
 - [B] mengutamakan teknik pertanian yang lebih cekap
 - [C] mengutamakan latihan teknologi dikalangan pegawai yang menyediakan perkhidmatan kepada sektor pertanian
 - [D] digubal dan dilaksanakan oleh teknokrat.
33. Rancangan pembangunan luar bandar telah melalui suatu fasa baru selepas 1970. Ini hasil
- [A] dasar penyusunan semula masyarakat
 - [B] lebih ramai penduduk luar bandar berhijrah ke bandar
 - [C] pertambahan besar peruntukan belanjawan dan agensi kerajaan untuk sektor pertanian
 - [D] penglibatan tinggi sektor swasta.
34. Apakah masalah utama yang menyebabkan kadar kemiskinan yang tinggi di kalangan kaum tani di sektor padi dan getah dalam tahun lapan-puluhan
- [A] kekurangan penggunaan teknologi moden
 - [B] penindasan orang tengah
 - [C] saiz tanah yang kecil
 - [D] peruntukan belanjawan kerajaan bagi sektor padi dan getah terlalu rendah.
35. Tekanan menyediakan input moden dan subsidi bagi kaum tani menunjukkan bahawa dasar pertanian mengutamakan
- [A] pembasmian kemiskinan
 - [B] peningkatan hasil
 - [C] pemodenan sikap kaum tani
 - [D] perubahan struktur pemilikan tanah.

36. Reformasi tanah dapat dikesan dari dasar kerajaan
- [i] memulihkan tanah yang terbiar
 - [ii] membangunkan tanah baru melalui rancangan FELDA dan rancangan lain seumpamanya
 - [iii] membeli estet yang pernah dimiliki oleh syarikat-syarikat asing
 - [iv] menyediakan taliair di kawasan-kawasan pertanian
- [A] i, ii dan iii
- [B] ii
- [C] iii
- [D] tiada satu dari yang di atas
37. Apakah di antara kesan penting apabila parti politik utama dalam kerajaan bergantung kepada pengaruh pemimpin-pemimpin luarbandar yang memiliki tanah luas.
- [A] penduduk luarbandar akan menikmati sepenuhnya dari struktur hubungan tersebut
- [B] proses pemodenan pertanian menjadi lebih pesat kerana mereka yang memiliki tanah yang besar lebih senang menyerap teknik-teknik baru dan kaum tani lain akan mencontohi mereka
- [C] pengagihan semula pemilikan tanah tidak akan berlaku
- [D] sistem pentadbiran tanah dapat diselaraskan.
38. Apakah diantara kekurangan dasar pembangunan ala-FELDA
- [i] ia terhad kepada segelintir kecil kaum tani
 - [ii] beban hutang yang dipikul oleh peneroka adalah tinggi
 - [iii] kekurangan tanah
 - [iv] peneroka tidak mempunyai kuasa penuh ke atas tanah mereka

...15/-

- [A] i, ii, iii dan iv
- [B] i, ii dan iii
- [C] i, ii dan iv
- [D] tiada dari yang di atas.

39. Apakah usaha terawal penglibatan parti politik dalam perniagaan di Malaysia?

- [A] loteri kebajikan anjuran MCA
- [B] pengambilalihan New Straits Times oleh UMNO
- [C] Bank Simpanan Melayu, syarikat pengangkutan, dan syarikat perdagangan UMNO
- [D] Lembaga Kemajuan Industri dan Luar Bandar (RIDA).

40. Apakah antara syarikat-syarikat utama UMNO di peringkat awal penglibatannya dalam perniagaan?

- [i] PERNAS
- [ii] FIMA
- [iii] Hatibudi
- [iv] Peremba

- [A] i dan iii
- [B] iii dan iv
- [C] i dan ii
- [D] tiada dari yang di atas.

41. Apakah syarikat utama MCA yang ditubuhkan sebagai usaha meningkatkan kedudukan modal orang Cina untuk menandingi kuasa persaingan orang Melayu selepas 1970?

- [A] Koperasi Serbaguna Malaysia (KSM)
- [B] Multi-Purpose Holdings Berhad (MPHB)
- [C] Magnum Corporation
- [D] Bandar Raya Development.

...16/-

42. Satu perubahan penting yang dikaitkan dengan pengurusan Syarikat Fleet Holdings milik UMNO selepas Datuk Daim Zainuddin mengambilalih jawatan Bendahari ialah perkembangan

- [A] "keusahawan kertas"
- [B] pembesaran syarikat-syarikat UMNO
- [C] penjualan syarikat-syarikat UMNO
- [D] penggunaan proksi.

43. Yang manakah di antara syarikat-syarikat judi utama yang dikuasai oleh pemimpin atau syarikat parti politik

- [i] Sababumi (Sandakan)
 - [ii] Sports Toto
 - [iii] Magnum Corporation
 - [iv] Genting Berhad
 - [v] Renang
 - [vi] Mycom
- [A] i, ii, iii dan iv
 - [B] i, ii, iii dan vi
 - [C] iv, v dan vi
 - [D] ii dan iii

44. Apakah syarikat pemegang UMNO yang utama pada masa ini?

- [A] Fleet Group Sdn. Bhd.
- [B] Hatibudi Nominees Sdn. Bhd.
- [C] United Engeneers (M) Bhd..
- [D] Renong Bhd.

...17/-

45. Penggunaan pengaruh politik UMNO untuk menguasai perbadanan-perbadanan atau syarikat-syarikat awam ialah melalui
- [A] penswastaan
 - [B] menubuh syarikat pemegang amanah
 - [C] pembelian saham
 - [D] pengambilalihan dan penyatuan.
46. Pengambilalihan United Malayan Banking Corporation (UMBC) serta penswastaan Lebuhraya Utara-Selatan memperlihatkan
- [A] konflik kepentingan di kalangan mereka yang memegang teraju kerajaan
 - [B] kemunculan syarikat tempatan mengusahakan perniagaan
 - [C] pengaruh pihak swasta dalam kerajaan
 - [D] modal besar yang terkumpul oleh syarikat tempatan
47. Apakah unsur-unsur utama Dasar Kebudayaan Kebangsaan.
- [i] ia berasaskan kebudayaan bumiputera
 - [ii] ia menyerap unsur-unsur yang bersesuaian dari kebudayaan kelompok etnik lain
 - [iii] Islam adalah sebahagian penting darinya
 - [iv] mengiktiraf kebudayaan minoriti sebagai sebahagian penting dari kebudayaan kebangsaan
- [A] i, ii, iii dan iv
 - [B] i, ii dan iii
 - [C] i dan ii
 - [D] iii dan iv.

48. Apakah 4 prinsip utama kebudayaan kebangsaan yang diusulkan oleh Memorandum Bersama Pertubuhan-Pertubuhan Cina, 1983.

- [i] unsur-unsur kebudayaan setiap kelompok etnik seharusnya dijadikan asas bagi kebudayaan kebangsaan
- [ii] mengiktiraf kesinambungan budaya Melayu sebagai warisan budaya bagi Malaysia
- [iii] garis panduan pembentukan nilai budaya yang sama meliputi demokrasi, sains, pemerintahan undang-undang dan patriotisme
- [iv] budaya kebangsaan seharusnya berteraskan nilai sejagat ugama
- [v] nilai-nilai budaya yang dikongsi bersama perlu dilahirkan (express) melalui bentuk-bentuk pelbagai etnik
- [vi] pembentukannya berlandaskan prinsip kesamaan semua kelompok etnik dan rundingan demokratik

[A] i, ii, iii dan iv

[B] i, ii, v dan vi

[C] i, iii, v dan vi

[D] i, iv, v dan vi.

49. Pada asasnya, bentuk kebudayaan kebangsaan yang diusulkan oleh Memorandum Bersama Pertubuhan-Pertubuhan Cina pada 1983 menegaskan pentingnya

- [A] asimilasi budaya Melayu oleh kelompok etnik lain
- [B] akulturasi budaya Melayu oleh kelompok etnik lain
- [C] kesamaan hak minoriti membangunkan budaya mereka
- [D] tiada satu dari yang di atas.

50. Pilih di antara kenyataan di bawah yang mencerminkan bentuk kebudayaan kebangsaan yang diusulkan oleh kaum bukan-bumiputera

- [i] semua kaum seharusnya diberi hak untuk mengekalkan kenunyiannya
- [ii] kebudayaan nasional seharusnya berdasarkan percantuman semua budaya secara saksama
- [iii] peranan negara sekadar membenarkan pembangunan bebas semua budaya
- [iv] ia seharusnya berdasarkan demokrasi

[A] i, ii, iii dan iv

[B] i, ii dan iii

[C] i, iii dan iv

[D] i, ii dan iv

51. Dasar kebudayaan kebangsaan dan reaksi terhadapnya melambangkan

- [i] keinginan orang Melayu mengekalkan kesinambungan sejarah dan budaya mereka yang juga mengiktiraf sumbangan budaya-budaya lain
- [ii] kesukaran membangunkan hak demokratik dalam sesuatu rangka sejarah yang berlainan bagi kaum bumiputera dan bukan-bumiputera
- [iii] cantuman budaya secara bebas
- [iv] ketiadaan persetujuan asas tentang kebudayaan kebangsaan

[A] i dan ii

[B] i, ii dan iii

[C] i, ii dan iv

[D] i, iii dan iv

...20/-

52. Perbahasan tentang dasar kebudayaan kebangsaan mengelirukan soal peluang mempelajari bahasa budaya minoriti dan peruntukan institusi untuk mempelajari bahasa budaya masing-masing. Ini kerana:

- [i] permainan politik perkauman meluas
- [ii] pengembangan bahasa tertentu tidak boleh dilakukan tanpa diperuntukan institusi untuk tujuan tersebut
- [iii] bahasa jiwa bangsa
- [iv] setiap institusi bahasa dikuasai oleh parti politik kaum tertentu

- [A] i
- [B] i dan ii
- [C] i dan iii
- [D] i dan iv.

53. Kebudayaan kebangsaan sering diungkapkan sebagai satu cara hidup bagi semua rumpun manusia yang tinggal dalam sesuatu negara. Ungkapan ini kurang tepat kerana:

- [i] ia memberi gambaran bahawa bentuk kebudayaan kebangsaan adalah suatu cara hidup yang majmuk, di mana kebudayaan semua kelompok budaya mempunyai atau diberi taraf yang sama
- [ii] bentuk sesuatu kebudayaan kebangsaan sering berteraskan sesuatu budaya yang dominan
- [iii] seringkali terdapat pelbagai bentuk kebudayaan yang jauh berbeza sehingga tidak ada sesuatu kebudayaan yang boleh dianggap kebudayaan kebangsaan
- [iv] kebudayaan kebangsaan tidak mengambil kira kebudayaan minoriti

- [A] i, ii, iii dan iv
- [B] i, ii dan iii
- [C] i, ii dan iv
- [D] i, iii dan iv.

...21/-

54. Apa menurut Muhammad Ikmal Said, N.M. Fanana dan A. Sebina ("Ethnic Conflict and Integration: Malaysia and Sudan") percanggahan asas yang terus menentukan konflik golongan bumiputera dan bukan-bumiputera di Malaysia
- [A] perbezaan kebudayaan dan ketidaksamaan ekonomi
 - [B] perbezaan kebudayaan dan agama
 - [C] pertindihan struktur negara moden ke atas bangsa Melayu dan ketidaksamaan taraf bagi warganegara bukan-bumiputera
 - [D] ketuanan bumiputera dan kemajuan bukan bumiputera.
55. Parti atau pertubuhan politik yang manakah yang tidak berlandaskan sokongan etnik?
- [i] Perikatan
 - [ii] Parti Komunis Malaya
 - [iii] Parti Buruh Malaya
 - [iv] Parti Rakyat Malaya
- [A] i
 - [B] ii, iii dan iv
 - [C] iii dan iv
 - [D] semua di atas.
56. Isu politik utama kaum bukan-bumiputera di Malaysia ialah masalah
- [A] kesamaan taraf kewarganegaraan
 - [B] ketidaksamaan ekonomi
 - [C] sistem pendidikan kebangsaan
 - [D] sistem kebudayaan kebangsaan.

57. Pilih di antara kenyataan di bawah yang benar bagi pengalaman di Malaysia

- [i] perseikatan politik di antara kaum hanya berlaku di kalangan parti dan pertubuhan politik kanan sahaja
- [ii] perseikatan politik di antara kaum didapati di kalangan parti atau pertubuhan politik kiri dan kanan
- [iii] persengketaan politik perkauman didapati di kalangan parti atau pertubuhan politik kiri dan kanan
- [iv] persengketaan politik perkauman hanya benar bagi parti atau pertubuhan politik kanan

- [A] i dan iii
- [B] ii dan iv
- [C] i, ii dan iii
- [D] ii dan iii.

58. Penjajah dapat mengawal hubungan etnik dan memperantarakan kepentingan setiap kaum kerana ia

- [i] bersikap adil
- [ii] tidak mempunyai kepentingan khusus terhadap setiap satu kelompok etnik
- [iii] mempunyai kuasa ekonomi dan politik yang tidak dapat ditandingi oleh mana-mana pihak
- [iv] membeza dan mengasingkan semua kaum

- [A] i dan ii
- [B] ii dan iii
- [C] i dan iv
- [D] iii dan iv

59. Pilih di antara kenyataan di bawah yang benar

- [i] hubungan etnik di Semenanjung adalah sama bentuknya dengan hubungan etnik di Sabah dan Sarawak
 - [ii] masalah Kadazan dan Dayak di Sabah dan Sarawak mempunyai kaitan penting dengan hubungan kerajaan Pusat dengan Sabah dan Sarawak
 - [iii] kaum Cina di Sabah dan Sarawak mempunyai kedudukan ekonomi yang lebih kukuh dari kaum Kadazan dan Dayak
 - [iv] kaum Melayu menerajui kepimpinan di Sabah dan Sarawak
- [A] i dan ii
 - [B] ii dan iii
 - [C] i dan iv
 - [D] ii dan iv.

60. Pilih di antara kenyataan di bawah yang benar

- [A] perjanjian Perlembagaan Rakyat yang diusulkan oleh perikatan AMCJA-PUTERA adalah sama dengan Perlembagaan Persekutuan 1957 yang dipersetujui oleh Perikatan UMNO, MCA dan MIC
- [B] perikatan Malayan Peoples Anti-Japanese Army (MPAJA) dan Malayan Communist Party (MCP) berganding bahu dengan Pembela Tanah Air (PETA) untuk menentang pemerintahan Jepun
- [C] komponen Parti Barisan Sosialis Malaya mempunyai pendirian politik yang sama terhadap sistem pendidikan negara
- [D] parti Komunis Malaya mempunyai pendirian yang sama dengan Parti Buruh Malaya tentang hak minoriti di Malaya.

...24/-

61. Sistem pendidikan kebangsaan sering menimbulkan konflik kaum. Ini kerana

- [i] orang Melayu merasakan kaum Cina enggan mengiktiraf Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan
- [ii] orang Cina merasakan sistem pendidikan kebangsaan tidak memberi kemudahan pembelajaran bahasa dan kebudayaan mereka
- [iii] ia merupakan isu penting bagi pemimpin politik kedua kaum untuk meluaskan pengaruh masing-masing
- [iv] ia mempunyai implikasi penting ke atas peluang pekerjaan bagi setiap kaum.

- [A] i, ii, iii dan iv
- [B] i, ii dan iii
- [C] i, ii dan iv
- [D] i, iii dan iv

62. Apakah yang dimaksudkan dengan strategi pembangunan yang berdasarkan "sistem pemegang amanah" yang diutarakan oleh Ozay Mehmet (dalam Pagar Makan Padi)?

- [A] sistem peruntukan belanjawan yang mengamanahkan perbendaharaan membuat keputusan tentang pengagihan untuk bumiputera dan bukan-bumiputera
- [B] sistem peruntukan belanjawan yang mengamanahkan pelaburan bumiputera melalui penswastaaan
- [C] sistem peruntukan belanjawan yang mengamanahkan parti politik yang memerintah untuk membuat keputusan tentang pelaburan negara
- [D] sistem peruntukan belanjawan dan pelaburan menurut peraturan dan keputusan pemegang amanah.

...25/-

63. Apakah dasar-dasar utama pembangunan luarbandar yang dikaitkan dengan "sistem pemegangan amanah" yang dinyatakan oleh Ozay Mehmet?

- [A] pembasmian kemiskinan, peningkatan hasil dan pembangunan tanah
- [B] pembasmian kemiskinan, pembangunan indastri memproses hasil pertanian dan pembangunan tanah
- [C] pembangunan institusi, rancangan subsidi dan rancangan penerokaan dan pembangunan tanah
- [D] pembangunan institusi, pembasmian kemiskinan dan penjenteraan.

64. Apakah sebab-sebab yang mungkin mengakibatkan monopoli birokratik meningkatkan kekuatan ekonomi golongan atasan di luarbandar?

- [i] ia mengurangkan persaingan sambil menyalurkan sebahagian besar dari peruntukan kepada golongan atasan
- [ii] golongan atasan bukan sahaja memiliki atau mengusaha unit pengeluaran yang besar tetapi juga kerana mereka sering mempunyai pengaruh politik
- [iii] golongan atasan luar bandar mewakili kepentingan golongan bawahan
- [iv] pihak birokrasi menentang kepentingan golongan atasan, yang seterusnya mengguna pengaruh politik mereka

- [A] i dan ii
- [B] i dan iii
- [C] i dan iv
- [D] ii dan iv .

65. Pilih di antara di bawah yang benar bagi golongan pekebun kecil getah

- [i] mereka dikenakan kadar cukai yang jauh lebih tinggi dari pihak estet
- [ii] saiz kebun mereka terlalu kecil
- [iii] kadar penyertaan mereka dalam rancangan tanaman semula berkait secara langsung dengan saiz tanah yang dimiliki
- [iv] mereka bergantung sepenuhnya kepada subsidi RISDA

- [A] i, ii dan iii
- [B] i, ii dan iv
- [C] i, ii, iii dan iv
- [D] i, iii dan iv.

66. Asas penting "sistem pemegangan amanah" bagi kaum bumiputera ialah

- [A] persaingan bebas di antara kaum bumiputera dan kaum bukan-bumiputera
- [B] monopoli institusi bumiputera ke atas perusahaan dan perdagangan tertentu
- [C] perlindungan modal bumiputera dari persaingan bebas
- [D] peruntukan modal mengikut keupayaan pasaran.

67. Titik-tolak penting analisis Kumpulan Penelitian Sosial Universiti Kebangsaan Malaysia tentang kemunduran ekonomi kaum Bumiputera dihubungkan dengan

- [A] penindasan
- [B] persaingan yang tidak adil
- [C] pergantungan kepada pihak lain
- [D] tekanan monopoli-monopsoni.

68. Satu unsur penting Dasar Ekonomi Baru ialah pembangunan satu kelas pengusaha di kalangan kaum bumiputera. Dasar ini asalnya memberi keutamaan pencapaian dasar ini melalui:

- [A] pembangunan pengusaha individu
- [B] pembangunan agensi amanah
- [C] pembangunan agensi swasta korporat
- [D] pembangunan agensi kewangan bumiputera.

69. Apakah di antara kesan penting Dasar Ekonomi Baru

- [i] kemiskinan telah berkurangan
- [ii] masalah perpaduan sudah diatasi
- [iii] pembangunan agensi kerajaan telah muncul dengan pesat.
- [iv] agensi amanah diutamakan untuk pembangunan kelas pengusaha kaum bumiputera.

- [A] i, ii, iii dan iv
- [B] i dan ii
- [C] i dan iii
- [D] i, iii dan iv

70. Tandakan mana yang salah

- [A] perpaduan negara yang menyeluruh sukar dicapai
- [B] kestabilan politik lebih senang dicapai daripada perpaduan negara yang menyeluruh
- [C] hanya apabila kita memperolehi identiti nasional tersendiri bolehlah perpaduan negara dicapai
- [D] sekurang-kurangnya perasaan persaudaraan mesti wujud dikalangan warganegara sebelum perpaduan negara boleh dicapai.

...28/-

71. Tandakan mana yang salah.
Di antara ciri-ciri sebuah kerajaan konsosianional penjenisan unggul ialah

- [A] kabinet berkongsi
- [B] hak lebihan untuk kumpulan majoriti
- [C] amalan prinsip proportionaliti
- [D] perundingan bersama

72. Tandakan mana yang salah

- [A] untuk mengatasi kekurangan integrasi wilayah, kerajaan Malaysia telah cuba melengkapkan sistem komunikasi antara Semenanjung dan Sabah dan Sarawak
- [B] rukunegara merupakan satu cara untuk mencapai integrasi nilai di kalangan warganegara
- [C] proses 'pembentukan negara' di Malaysia mesti mewujudkan satu sistem pentadbiran awam yang lengkap serta cekap
- [D] apabila menggubal Dasar Ekonomi Baru, kerajaan Malaysia berharap untuk mengemukakan satu lambang perpaduan.

73. Tandakan mana yang salah.
Dalam pilihanraya yang diadakan di Sabah pada Jun 1990, parti-parti tersebut telah bersaing antara satu sama lain

- [A] Barisan Nasional
- [B] Parti Berjaya
- [C] Angkatan Keadilan Rakyat Sabah
- [D] Parti Liberal Demokrat.

74. Tandakan mana yang salah.
Kerajaan Barisan Nasional negeri Sarawak terdiri daripada
- [A] Parti Bansa Dayak Sarawak
 - [B] Parti Pesaka Bumiputera Bersatu
 - [C] Sarawak United People's Party
 - [D] Sarawak National Party.
75. Tandakan mana yang salah .
Jika dibandingkan dengan kes Semenanjung, proses politik di Sabah dan Sarawak agak berbeza kerana:
- [A] mereka mempunyai parti politik kedaerahan tersendiri
 - [B] walaupun mereka berasaskan perkauman, pertentangan utama ialah antara kumpulan-kumpulan kaum Bumiputera, bukan antara kaum Bumiputera dan kaum bukan-Bumiputera
 - [C] ia bercorak politik kewangan
 - [D] akibat darjah penginstitutionan politik yang rendah dan kekurangan satu kaum majoriti, ia kurang stabil.
76. Tandakan mana yang salah
- [A] Sabah dan Sarawak menerima 5% hasil minyak-petrol yang dieksplotasi daripada negeri masing-masing
 - [B] Pulau Labuan telah diserahkan kepada kerajaan Pusat oleh kerajaan negeri Sabah tanpa sebarang gantirugi
 - [C] sekolah rendah jenis kebangsaan yang mengajar dalam Bahasa Iban wujud di Sarawak sepertimana sekolah yang sama yang mengajar dalam Bahasa Kadazan wujud di Sabah
 - [D] pada ketika ini kerajaan Sabah dan Sarawak masih mempunyai hak lebihan daripada negeri-negeri lain di Semenanjung.

...30/-

77. Tandakan mana yang salah

Antara 20 perkara yang diperjuangkan oleh pemimpin-pemimpin Sabah dan Sarawak pada awal tahun 1960an ialah

- [A] bahawa pentadbiran awam dikedua-dua negeri itu akan dijawat oleh pegawai daripada Borneo secepat mungkin
- [B] bahawa Islam tidak akan diiktirafkan sebagai agama resmi dalam kedua-dua negeri tersebut
- [C] bahawa mereka mempunyai hak untuk tarik diri daripada Persekutuan Malaysia
- [D] bahawa mereka diberikan hak kendalikan hal ehwal imigresen dalaman walaupun bukan untuk imigresen luaran.

78. Antara ciri-ciri utama dalam pengkaedahan kelas atau 'penjelmaan ragam kapitalisme' dalam memahami bagaimana dan mengapa timbulnya politik berparti di Malaysia ialah:

- [i] pengkaedahan ini menekankan yang setiap pertumbuhan masyarakat adalah dalam penegakan satu ragam hidup yang dominan
- [ii] pengkaedahan ini membentangkan yang ragam hidup yang dominan tersebut akan mengatasi ragam hidup sebelumnya
- [iii] pengkaedahan ini menyarankan yang pertumbuhan ragam adalah melalui hubungan pengeluaran ataupun hubungan kelas yang sendirinya adalah hubungan kekuasaan politik
- [iv] pengkaedahan ini menekankan yang asas dalam ragam kapitalisme kolonial ialah hubungan kelas bujuis metropolitan-coolie. Pergerakan politik berparti timbul selaku reaksi pada hubungan ini yang kian berkontradiksi.

- [A] i, ii, iii dan iv
- [B] i, ii dan iii
- [C] i dan ii
- [D] ii dan iii

...31/-

79. Hubungan pengeluaran burjuis metropolitan-coolie dapat diteliti melalui saranan-saranan di bawah:

- [i] terdapat dalam hubungan pengeluaran tersebut satu darjah exploitasi tenaga buruh yang keras
- [ii] terdapat kesangsaraan hidup buruh imigran yang dibawa ke dalam industri lombong dan ladang getah di Semenanjung
- [iii] buruh imigran ini datang dari Jawa, Mendaling, Selatan Cina dan Pantai Timur India
- [iv] kedudukan kelas coolie ini adalah tanpa perlindungan undang-undang atau hak berpolitik.

- [A] i, ii, iii dan iv
- [B] i, ii dan iii
- [C] i dan iv
- [D] ii dan iii.

80. Di samping kelas burjuis metropolitan-coolie (atau kuli) ini terdapat beberapa lagi pecahan kelas yang lain yang memainkan peranan yang strategis di dalam perkembangan kapitalisme Malaysia. Pecahan kelas ini adalah seperti:

- [i] pecahan kelas DiRaja Melayu, kelas birokrat Melayu
- [ii] kelas pedagang selat dan burjuis komprador Asia
- [iii] kelas tukang dan profesional Asia
- [iv] kelas pekebun kecil dan menengah tani Melayu

- [A] i dan ii
- [B] i, ii dan iii
- [C] i dan iv
- [D] i, ii, iii dan iv.

81. Antara fakta yang membantu menggerakkan Parti Komunis Malaya (*Malayan Communist Party*) ialah:

- [i] inflasi dan kemelesetan ekonomi Malaya dalam tahun-tahun 1930-an
- [ii] kemenangan Parti Komunis di Tanah Besar Cina dan laungannya kepada parti komunis di Asia Tenggara supaya bangun menentang imperialisme Barat
- [iii] terdapatnya kepimpinan dari pecahan kelas burjuis kecil dan profesional yang mula menggembeling tenaga kelas coolie dan segelintir kelas tani
- [iv] tersekatnya saluran bersuara bagi kelas-kelas bawahan kerana kawalan ketat British atas Kesatuan Sekerja

- [A] iv dan iii
- [B] iv, iii dan ii
- [C] iv dan i
- [D] iv, iii, ii dan i.

82. Antara perjuangan Parti Komunis Malaya ialah:

- [i] kemerdekaan penuh Malaya dari kuasa British, walaupun melalui kekerasan
- [ii] membentuk sebuah negara dengan ekonomi terancang
- [iii] memiliknegarakan semua lombong bijih timah dan ladang getah British di Malaya
- [iv] merapatkan hubungan Malaya Baru dengan Negara Komunis Cina

- [A] i, ii dan iii
- [B] i, ii, iii dan iv
- [C] i dan ii
- [D] ii dan iv .

...33/-

83. Antara Parti Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO), Pertubuhan Cina Malaya (Malaysia) (MCA), dan Kongres India Malaya (Malaysia) (MIC), terdapat beberapa persamaan dalam perjuangannya:

- [i] masing-masing percayakan doktrin ekonomi bebas
- [ii] masing-masing adalah anti-komunis
- [iii] masing-masing mahu rapatkan hubungan Malaya dengan kuasa Barat
- [iv] masing-masing percaya yang kelas pekerja mesti dikawal melalui akta-akta buruh dan lain-lain.

- [A] i, ii, iii dan iv
- [B] i, ii dan iii
- [C] i dan ii
- [D] ii dan iv.

84. Hal-hal berikut adalah berkait dengan Nasionalisme Malaya (Malaysia):

- [i] satu kesedaran bersama yang semua Negeri-Negeri Melayu mesti bersatu
- [ii] satu dari aliran nasionalisme Melayu ialah aliran aristokarsi-istana
- [iii] parti Perikatan percaya yang Malaya (Malaysia) perlukan sebuah pemerintahan sendiri (bukan bergantung kepada British selamanya)
- [iv] parti-parti pemerintah percaya yang sebuah Bahasa Nasional perlu ke arah mencipta satu Bangsa Malaya (Malaysia) yang bersatu

- [A] iv dan iii
- [B] iv dan ii
- [C] iv dan i
- [D] i, ii, iii dan iv

85. Analisa kita tentang asalmulanya politik berparti itu makin jelas mencadangkan yang parti politik itu timbul kerana:

- [i] beralihnya secara radikal hubungan kelas
- [ii] timbulnya satu bahaya kepada penerusan sektor kapitalisme kolonial
- [iii] parti membantu mencorak satu hubungan kelas yang baru dengan perlindungan undang-undang dan program kebajikan oleh pemerintah
- [iv] matlamat parti adalah ke arah mendapat kawalan bukan saja atas birokrasi tetapi juga atas arah aliran himpunan lebihan negara

- [A] i, ii, iii, dan iv
- [B] i, ii, dan iii
- [C] i dan ii
- [D] i dan iv

86. Penyerapan sistem kewangan ekonomi moden ke dalam kebudayaan orang Asli di antara lain telah mengakibatkan keturunan taraf kaum wanitanya

- [A] Benar
- [B] Tidak benar

87. Pengalaman sistem pertanian pindah oleh golongan Asli di Sarawak telah mengakibatkan pembasmian sebahagian besar hutan mereka.

- [A] Benar
- [B] Tidak benar

88. Dari segi peruntukan undang-undang yang mengiktiraf adat, komuniti asli di Sarawak adalah lebih buruk keadaannya bila dibandingkan dengan orang Asli di Semenanjung Malaysia.

[A] Benar

[B] Tidak benar

89. Masyarakat Negrito dapat disifatkan oleh sistem pelapisan "egalitarian"

[A] Benar

[B] Tidak benar

90. Kehilangan kebudayaan asli akibat sistem penjualan barangan oleh kaum Jah Hut dapat ditunjukkan dalam hal ketidakamalan konsep "Punan" mereka.

[A] Benar

[B] Tidak benar

91. Kehilangan tanah adat di Sarawak terutamanya disebabkan oleh

[A] rancangan pembangunan atas dasar aktiviti pertanian perdagangan

[B] pembinaan ampang-ampang besar

[C] pengalaman pertanian pindah

[D] kejahilan kaum Dayak tentang pendaftaran kawasan hutan perkauman

[E] semua di atas kecuali C

92. Kaum Negrito merupakan sebuah masyarakat yang dicirikan oleh:
- [A] hak istimewa ketua
 - [B] hak perseorangan ke atas pokok-pokok yang tertentu
 - [C] hak harta benda yang diwarisi menurut keturunan pihak bapa
 - [D] hak milik tanah
 - [E] semua di atas kecuali C
93. Suku bangsa Iban menurut adatnya dapat diklasifikasikan sebagai masyarakat yang berasaskan kesamaan (egalitarian). Ini berdasarkan kepada:
- [A] kerjasama atas dasar berbalasan (reciprocity)
 - [B] penghormatan perseorangan
 - [C] sistem kepemimpinan sementara
 - [D] peranan jantina mempunyai nilai yang sama
 - [E] semua di atas
94. Sikap kerajaan terhadap Orang Asli pada masa kini berbeza dari masa kerajaan penjajahan. Dasar pentadbiran sekarang lebih bertumpu pada:
- [A] perkhidmatan sosial seperti rumah sakit
 - [B] pembukaan sekolah
 - [C] penjagaan keselamatan (security) politik
 - [D] pemeliharaan kebudayaan mereka
 - [E] hanya A dan B
95. Penglibatan wanita dalam pekerjaan di sektor padi, estet getah dan lombong bijih timah adalah suatu fenomena baru, iaitu selepas Perang Dunia KeDua.
- [A] Benar
 - [B] Tidak benar

96. Penyertaan wanita dalam sektor pembuatan tertumpu kepada industri tertentu sahaja.
- [A] Benar
- [B] Tidak benar
97. Kaum wanita yang memegang jawatan tinggi di sektor swasta dan kerajaan adalah lebih kurang sama dengan peratus kaum lelaki.
- [A] Benar
- [B] Tidak benar
98. Pada umumnya, kaum wanita diberi upah atau gaji yang lebih rendah dari kaum lelaki. Ini benar bagi sektor swasta dan sektor kerajaan.
- [A] Benar
- [B] Tidak benar
99. Kaum pekerja wanita industri elektronik Malaysia kini menyalurkan rungutan mereka melalui Kesatuan Pekerja.
- [A] Benar
- [B] Tidak benar
100. Satu ciri penting tentang penglibatan wanita dalam tahap awal proses industrialisasi ialah ketidaktentuannya, iaitu ia tidak tetap.
- [A] Benar
- [B] Tidak benar